



TUN Mahathir ketika sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi di Putrajaya. Turut kelihatan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Timbang naik gaji

■ **Perdana Menteri fikir cadangan untuk polis pangkat rendah**

**Irwan Shafrizan Ismail
dan Hazwan Faisal Mohamad**
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kerajan akan mempertimbangkan cadangan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul

Hamid Bador supaya gaji anggota polis berpangkat rendah dinaikkan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau akan memikirkan mengenai perkara itu.

"Saya fikirlah," katanya ringkas pada sidang media selepas mempengerusikan

Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) Bil 3/2019 Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas permohonan Abdul Hamid, kelmarin agar gaji, logistik dan keperluan anggota polis berpangkat rendah diberi keutamaan

dalam usaha meningkatkan integriti pasukan itu.

Abdul Hamid berkata, gaji yang diperoleh golongan berkenaan iaitu daripada sajian ke bawah adalah rendah dan tidak mampu menampung kos sara hidup terutama bagi mereka bertugas di bandar besar.